



KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH
جامعۃ الانسانيۃ
INSANIAH UNIVERSITY COLLEGE

**UCAPAN
PROF DATO' DR. MOHD FAKHRUDIN BIN ABDUL MUKTI
REKTOR KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH (KUIN)
DI MAJLIS WARTIKAH PERLANTIKAN MPM SESI 2016/2017 &
MAJLIS APRESIASI MPM SESI 2015/2016**

**PADA : 02 JANUARI 2017
TEMPAT : DEWAN SERBAGUNA, ARAS 2,
BANGUNAN CANSELORI, KUIN.**



TEKS UCAPAN REKTOR

MAJLIS WATIKAH PERLANTIKAN MPM SESI 2016/2017

&

MAJLIS APRESIASI MPM SESI 2015/2016

*Dewan Serbaguna, Aras 2, Bangunan Canselori, Kolej Universiti INSANIAH
2 Januari 2017 bersamaan 3 Rabiulakhir 1438H*

BismiLLAH ar-Rahman ar-Rahim

**Alhamdulillah Rabbil 'Alamin, wassola tu wassalam 'ala sayyidil
mursalin, wa 'ala aalihi wasahbihi ajmai'n**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam 1 Malaysia dan
Salam Kedah Muafakat.**

Terima kasih saudara pengerusi majlis.

YBhg. Prof. Madya Dr. Abdullah bin Osman
Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik & Penyelidikan KUIN

YBhg. Tn. Hj. Bukhari bin Abdullah
~~Timbalan~~ Rektor Hal ehwal Pelajar & Alumni KUIN

YBr. Tn. Hj. Abdullah bin Hashim
Pendaftar KUIN

YBr. En. Mohd Zamri bin Shahdan
Bendahari KUIN

Ahli Senat, Pegawai-pegawai Kanan, Dekan-Dekan, Ketua-Ketua Jabatan,
seterusnya Majlis Perwakilan Mahasiswa KUIN yang dikasihi sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan keizinan Nya, dapat kita bersama-sama berkumpul dalam dewan yang indah ini bagi menjayakan **Majlis Watikah Perlantikan Majlis Perwakilan Mahasiswa KUIN Sesi 2016/2017** dan meraikan **Majlis Apresiasi Majlis Perwakilan Mahasiswa KUIN Sesi 2015/2016**.

Tanggal **13 Disember 2016**, merupakan tarikh terbubarnya barisan kepimpinan MPM sesi 2015/2016. Dipimpin oleh saudara **Hilmi bin Anasat** selaku Presiden dan seramai **24 orang** ahli secara keseluruhannya, amanah sepanjang tempoh setahun kepimpinan telah pun selesai dilaksanakan dengan jayanya. Sesungguhnya, segala komitmen dan kerjasama barisan kepimpinan sebelum ini dalam usaha membawa perjuangan suara mahasiswa amatlah dihargai dan jasa kalian akan terus dikenang. Jazakumullahu Khairan Jaza.

Sinario demokrasi di Institusi Pengajian Tinggi ini diteruskan dengan proses pencalonan dan pembuangan undi yang telah berlangsung pada 28 Disember 2016. Hasilnya, seramai **27 orang** calon telah terpilih untuk mengisi barisan kepimpinan sesi 2016/2017. Keputusan ini adalah berdasarkan jumlah **1,702 orang pengundi** atau **46.17%** yang telah pun keluar untuk menunaikan tanggungjawab mereka. Kita harapkan peratus mereka yang keluar mengundi ini akan terus meningkat pada tahun hadapan melalui strategi dan promosi yang lebih baik dilakukan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Insya Allah.

Tahniah saya ucapkan kepada barisan MPM sesi 2016/2017 yang bakal dipimpin oleh saudara **Muhammad Azfar bin Ibrahim** selaku Presiden. Suka untuk saya memperingatkan agar barisan kali ini dapat merujuk Jabatan Hal Ehwal Pelajar bagi melaksanakan fungsi dan peranan seperti yang telah digariskan dalam **Perkara 53 (10) Perlembagaan KUIN** dengan jayanya.

Hadirin yang dirahmati Allah.

Penekanan terhadap **kualiti kepimpinan** adalah amat penting di dalam sesebuah organisasi. Nilai kepimpinan yang hebat akan dapat memacu pelaksanaan yang jauh lebih hebat. Contoh kepimpinan yang paling syummul lagi kaamil adalah kepimpinan baginda Rasulullah S.A.W.

Selain itu, **kreativiti** seseorang pemimpin juga dilihat mampu untuk menyumbang nilai istimewa di dalam usaha mempelbagaikan corak kepimpinan serta penganjuran aktiviti-aktiviti yang berkualiti dan berfaedah. Usaha ini perlu sentiasa diperbaiki dan ditambahbaik dari semasa ke semasa. Inilah antara usaha KUIN dalam melahirkan graduan yang kompeten dan komprehensif, baik dari segi pencapaian akademik mahu pun ko-kurikulum. Ini secara langsung akan mampu meningkatkan tahap kebolehpasaran para graduan KUIN.

Sebagai makluman, kepimpinan melalui teladan adalah perkara yang perlu dititik beratkan. Ini selaras dengan usaha pihak KUIN dalam memastikan identiti korporat dapat terus diperkasakan secara berterusan. Baik contoh, maka baiklah teladanya. Ianya sesuatu yang perlu dilahirkan dari hati. ***Sabda Rasulullah S.A.W: "Dalam diri anak adam ada segumpal daging. Bila ia baik, akan baiklah seluruh jasadnya dan bila buruk, akan buruklah seluruh jasadnya. Ingat ia adalah hati."***

Hadirin sekalian, dengan berakhirnya tempoh kepimpinan untuk kali ini, bukan bermakna berakhirnya segalanya. Tanggungjawab sebagai pemimpin atau *khalifah* ini perlu terus dilaksanakan pada masa hadapan di dalam pelbagai saluran yang menanti. Ada di kalangan kamu yang akan menjadi pemimpin keluarga, ada yang akan menjadi pemimpin sesebuah organisasi. Namun, yang paling penting, pimpinlah diri kamu sendiri ke arah kesejahteraan dunia dan akhirat.

Sesungguhnya, bakti dan budi kalian semua dalam memimpin mahasiswa KUIN sepanjang tempoh setahun ini adalah sangat tinggi nilainya. Semoga Allah mengurniakan balasan terbaik di atas segala usaha yang telah dilaksanakan. Bagi barisan kepimpinan baru yang dipilih, saya amatlah berharap agar kalian juga dapat bersama pihak KUIN dalam merealisasikan KUIN sebagai sebuah Universiti Penuh pada tahun 2017.

Sebelum saya mengakhiri ucapan, terimalah serangkap pantun:

*"Dari langkasuka hamba ke mari
Membawa suasa buat penyeri
Laksana sudah amanah diberi
Terus berbakti di kemudian hari"*

Sekian dulu,

**WABILLAHl TAUFIK WAL HIDAAYAH WASSALAMUALAIKUM
WARAHMATULLAHl WABARAKAATUH.**